



Headline: Pengurus taman masuk perangkap Macau Scam Language: Malay
Scam

Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 25 October 2018

Section: Setempat
Page: 36

Pengurus taman masuk perangkap Macau Scam

KUALA TERENGGANU- Seorang pengurus taman kerugian hampir RM20,000 selepas ditipu sindiket penipuan Macau Scam yang mendakwa dirinya terbabit kes penggubahan wang haram dan penyalahgunaan dadah.

Semasa berada di tempat kerjanya di Gong Badak, Kuala Nerus, wanita berusia 31 tahun dari Marang itu dihubungi seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Suspek seterusnya mendakwa mangsa dikesan melakukan kesalahan penggubahan wang haram serta penyalahgunaan dadah dan bakal ditahan tidak lama lagi.

Menurut sumber, tanpa memamatkan panggilan, talian

tersebut kemudian disambungkan ke Bukit Aman sebelum mangsa bercakap dengan seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Tuan Hisyam.

"Lelaki itu kemudian mengarahkan mangsa mengosongkan wang yang ada di dalam akaun bank miliknya dalam kadar segera bagi tujuan siasatan.

"Disebabkan terlalu takut dan terpengaruh dengan semua maklumat palsu itu, mangsa kemudian memberikan nombor akaun bank miliknya beserta kata laluan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sumber berkata, mangsa hanya tersedar dirinya ditipu selepas mendapati rekod akaunnya berlaku beberapa transaksi tanpa pengetahuannya melibatkan jumlah keseluruhan RM20,000.